

Pengudara Kotak Engkol

Servis dengan lebih kerap apabila menunggang dalam keadaan hujan, pada pendikit peruh atau selepas kenderaan dibasuh atau terbalik. Lakukan servis jika kau tahap kekotoran boleh dinampak di bahagian lutsinar tiub saliran.

Jikalau tiub saliran melimpah, penapis udara mungkin akan dicemari oleh minyak enjin dan menyebabkan prestasi enjin yang teruk. ➤ MS. 74


Tayar (Pemeriksaan/Penggantian)

Periksa Tekanan Udara

Periksa tayar anda secara visual dan gunakan tolok tekanan udara untuk menyukat tekanan udara sekurang-kurangnya sekali sebulan ataupun bila-bila masa tayar kelihatan kempis. Sentiasa periksa tekanan udara apabila tayar berada dalam keadaan sejuk.

Periksa Kecacatan Tayar

Periksa tayar untuk kesan potongan, lekahhan atau keretakan yang mendedahkan fabrik atau tali pintalnya, selain itu periksa bahagian dalam tayar untuk objek asing seperti paku dan lain-lain lagi. Periksa juga untuk sebarang bonggol atau ketulan yang luar biasa yang mungkin terhasil dalam dinding sisi tayar anda.



Periksa Untuk Hakisan Yang Tidak Normal

Periksa tayar untuk kesan hakisan yang tidak normal pada permukaan.

